# SOALAN-SOALAN LAZIM
## KEMPEN CASH-BULOUS

| NO. | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| 1 | Mengapakah kempen ini **dinamakan Kempen "Cash-bulous" oleh Agrobank?** | Kempen ini dinamakan Kempen Cash-bulous adalah kerana Kempen ini **menawarkan hadiah wang tunai secara berkala sehingga tamat Tempoh Kempen.** |
| 2 | Bilakah Kempen ini dijalankan? | Kempen ini akan dijalankan dari **1 April 2022 sehingga 31 Januari 2023.** |
| 3 | Apakah **mekanisma** yang digunakan bagi Kempen ini dan adakah ianya patuh Syariah? | Kempen ini menggunakan mekanisma **cabutan bertuah** bagi menentukan Pemenang. Pelanggan akan diberikan **Mata Penyertaan** sewajarnya sekiranya pelanggan menepati **Terma dan Syarat Kempen** seperti yang ditetapkan oleh Bank. Mata penyertaan ini akan menentukan bilangan peluang yang dimiliki oleh Pelanggan bagi cabutan bertuah yang diadakan.<br><br>Kempen ini adalah patuh Syariah dan konsep Syariah yang digunapakai bagi Kempen ini adalah **Hibah Mu'allaqah** di mana pihak Bank akan memberikan hadiah kepada Pelanggan yang berjaya memenuhi segala Terma dan Syarat yang ditetapkan oleh Bank dan dikenalpasti sebagai Pemenang. |
| 4 | Adakah saya **layak menyertai Kempen** ini? | Kempen ini **terbuka kepada semua Pelanggan Agrobank** sama ada Pelanggan baru atau Pelanggan sedia ada; dengan syarat pelanggan tersebut mematuhi syarat-syarat Kempen yang telah ditetapkan oleh Bank.<br><br>Kakitangan Bank adalah TIDAK dibenarkan menyertai Kempen ini. Walaubagaimanapun, tiada halangan bagi keluarga dan saudara kakitangan Bank untuk menyertai Kempen ini. |
| 5 | Apakah **syarat kelayakan** yang perlu saya patuhi? | Pelanggan perlu melanggan mana-mana produk berikut dalam tempoh Kempen:<br>**a) Penulisan Wasiat**<br>**b) Takaful Kemalangan Diri**<br>**c) Takaful Kenderaan (Motor Takaful)**<br><br>Kelayakan daripada segi umur dan lain-lain perkara adalah tertakluk kepada terma dan syarat Produk dan/atau Perkhidmatan. Maklumat lanjut mengenai Produk dan/atau Perkhidmatan boleh didapati pautan berikut:<br>a) Penulisan Wasiat<br>https://www.agrobank.com.my/my/product/surat-wasiat/<br>b) Takaful Kemalangan Diri<br>https://www.agrobank.com.my/my/product/takaful/<br>c) Takaful Kenderaan (Motor Takaful)<br>https://www.agrobank.com.my/ |

<table>
<tr>
<td>6</td>
<td>Apakah sumbangan langganan yang diperlukan untuk memperolehi Mata Penyertaan bagi Kempen ini?</td>
<td>
Pengiraan Mata Penyertaan bagi produk dan perkhidmatan adalah seperti berikut :<br>
a) Penulisan Wasiat
<table>
<tr><td>Penulisan Wasiat (MyAngkasa Berhad)</td><td>3 Mata Penyertaan</td></tr>
</table>
b) Produk Takaful
<table>
<tr><td colspan="2">Takaful Kasih Plus</td></tr>
<tr><td>TKP 3 (RM53)</td><td>1 Mata Penyertaan</td></tr>
<tr><td>TKP 4 (RM106)</td><td>2 Mata Penyertaan</td></tr>
<tr><td>TKP 5 (RM212)</td><td>3 Mata Penyertaan</td></tr>
<tr><td>TKP 6 (RM318)</td><td>4 Mata Penyertaan</td></tr>
<tr><td colspan="2"></td></tr>
<tr><td>Agro Mabrur-i Plus (RM 75)</td><td>1 Mata Penyertaan</td></tr>
<tr><td colspan="2"></td></tr>
<tr><td colspan="2">Agro Madani</td></tr>
<tr><td>Pelan Zamrud (RM60)</td><td>1 Mata Penyertaan</td></tr>
<tr><td>Pelan Emas (RM150)</td><td>2 Mata Penyertaan</td></tr>
<tr><td>Pelan Berlian (RM 240)</td><td>3 Mata Penyertaan</td></tr>
<tr><td colspan="2"></td></tr>
<tr><td colspan="2">Agro Nurani</td></tr>
<tr><td>Pelan Ehsan (RM55)</td><td>1 Mata Penyertaan</td></tr>
<tr><td>Pelan Amal (RM85)</td><td>2 Mata Penyertaan</td></tr>
<tr><td>Pelan Azim (RM130)</td><td>3 Mata Penyertaan</td></tr>
</table>
c) Takaful Kenderaan (Motor Takaful)
<table>
<tr><td>Langganan Motor Takaful dengan jumlah sumbangan sebanyak RM500 dan ke atas.</td><td>1 Mata Penyertaan bagisetiap jumlah sumbangan RM500.00</td></tr>
</table>
</td>
</tr>
<tr>
<td>7</td>
<td>Bagaimanakah cabutan akan dilakukan?</td>
<td>Kempen ini berkonsepkan cabutan di mana Pelanggan perlu melanggan mana-mana produk yang terlibat dengan Kempen bagi melayakkan diri untuk mendapat Mata Penyertaan mengikut Terma dan Syarat Kempen.<br><br>Terdapat dua jenis kategori cabutan iaitu Cabutan Berkala dan Cabutan Utama.</td>
</tr>
</table>

Perlaksanaan **Cabutan Berkala adalah pada setiap tiga (3) bulan** sepanjang Tempoh Kempen manakala **Cabutan Utama akan dilaksanakan sekali apabila tamat Kempen.**

Berikut merupakan bulan perlaksanaan Cabutan Berkala:

| BULAN PENILAIAN MATA PENYERTAAN | PERLAKSANAAN CABUTAN BERKALA |
|---|---|
| APRIL | Jun 2022 |
| MAY | |
| JUN | Ogos 2022 |
| JULAI | |
| OGOS | Oktober 2022 |
| SEPTEMBER | |
| OKTOBER | Disember 2022 |
| NOVEMBER | |
| DISEMBER | Februari 2023 |
| JANUARI | |

Berikut merupakan bulan perlaksanaan Cabutan Utama:

| BULAN PENILAIAN MATA PENYERTAAN | PERLAKSANAAN CABUTAN UTAMA |
|---|---|
| APRIL 2022 SEHINGGA JANUARI 2023 | Mac 2023 |

8 Apakah **hadiah** yang bakal dimenangi jika saya terpilih?

Berikut adalah jenis hadiah yang ditawarkan dalam Kempen ini.

| Kategori Cabutan | Kedudukan Pemenang | Jumlah Pemenang | Hadiah |
|---|---|---|---|
| Cabutan Utama | Pemenang Utama | 1 | 1 unit Proton X70 1.8 TGDi |
| *Cabutan Berkala | Tempat Pertama | 2 | RM 3,000.00 |
| | Tempat Kedua | 3 | RM 2,000.00 |
| | Tempat Ketiga | 5 | RM 1,000.00 |
| | Sagu Hati | 20 | RM 500.00 |

*Nota: Hadiah yang dinyatakan di atas adalah untuk satu (1) Cabutan Berkala. Jumlah keseluruhan Cabutan Berkala adalah sebanyak lima (5) cabutan dan cabutan akan dilakukan setiap tiga (3) bulan sepanjang Tempoh Kempen.

| | | |
|---|---|---|
| 9 | Bolehkah saya memenangi **lebih daripada satu (1) hadiah** pada Cabutan Berkala? | Ya, **Pelanggan layak memenangi lebih daripada satu (1) hadiah** pada Cabutan Berkala apabila melanggan produk yang terlibat pada Kempen ini dalam **pusingan Cabutan Berkala yang berbeza.** |
| 10 | Adakah Pemenang dibenarkan untuk **menukar hadiah** yang dimenangi dengan bentuk / barangan lain? | Pemenang **tidak dibenarkan untuk menukar hadiah** yang dimenangi dengan bentuk / barangan lain. |
| 11 | Bagaimanakah Pelanggan akan **dimaklumkan** jika mereka dipilih **sebagai Pemenang?** | Nama **Pemenang akan diumumkan melalui laman web rasmi** Agrobank di www.agrobank.com.my. Pemenang akan dihubungi oleh pihak Bank menggunakan maklumat diri yang telah diberikan kepada pihak Bank.<br><br>*Tertakluk kepada Terma dan Syarat. |
| 12 | Bagaimanakah jika saya mempunyai **pertanyaan lanjut?** | Hubungi Pusat Panggilan Agrobank di talian **1-300-88-2476**; atau<br><br>Lawati/Kunjungi **cawangan Agrobank yang berdekatan** dengan mematuhi Garis Panduan yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara. |

Cetakan April 2022